



**PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN MALAYSIA  
JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR**

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Emel* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

6 November 2020

## **KENYATAAN MEDIA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA.**

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen menerima maklum balas daripada Kementerian Kewangan (MOF) hasil daripada dua syor laporannya berhubung Tuntutan Tunggakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dibentangkan di Parlimen pada Julai 2019.

MOF dalam laporannya kepada PAC menyatakan bahawa berikutan daripada syor PAC, kementerian itu dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengambil tindakan dengan memasukkan semua kutipan GST dalam Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik (KWBPB) GST berbanding amalan sebelum ini, yang memasukkan wang kutipan GST ke Akaun Hasil Disatukan.

“Selain itu, MOF juga meminda surat ikatan amanah KWBPB GST dengan membuat satu surat ikatan amanah tambahan bagi membolehkan kumpulan wang ini terus berfungsi walaupun GST dimansuhkan pada 1 September 2018,” jelas laporan itu.

PAC membentangkan laporannya di Dewan Rakyat berhubung tindakan yang diambil MOF terhadap dua syornya hasil daripada prosiding yang dijalankan terhadap tuntutan tunggakan bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion, semalam.

Sebelum ini, PAC memberikan dua syor kepada kerajaan dalam laporannya selepas menjalankan 10 prosiding bermula 12 September 2018 hingga 14 Mei 2019.

PAC menjalankan siasatan terhadap isu itu, apabila Mantan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng mendakwa bahawa sejumlah RM19.4 bilion daripada wang GST ‘dirompak’ oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).

Laporan itu juga menjelaskan bahawa MOF akur terhadap syor PAC untuk memastikan pematuhan penuh undang-undang negara dalam pelaksanaan tatacara kewangan dan untuk tujuan itu, kementerian berkenaan menambah keanggotaan ahli jawatankuasa KWBPB GST.

Ia menjelaskan bahawa Pengarah, Pejabat Belanjawan Negara dan Setiausaha Bahagian, Bahagian Fiskal dan Ekonomi MOF turut dimasukkan sebagai ahli jawatankuasa baru dan jawatankuasa ini, dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Sekian, terima kasih.